

## Penggunaan Antonim Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea

Normaliza Abd Rahim, Kim Jang-Gyem

### ABSTRAK

Kajian ini melibatkan pelajar Korea dalam pembelajaran antonim bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti antonim bagi tiga puluh tujuh pasang perkataan serta membincangkan penggunaan antonim bahasa Melayu di kalangan pelajar Korea. Kajian ini melibatkan dua belas pelajar di sebuah kelas bahasa Melayu peringkat awalan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Pelajar Korea lelaki dan perempuan ini berumur dari dua puluh hingga dua puluh lapan tahun. Pelajar didedahkan dengan tiga puluh tujuh set antonim bahasa Melayu untuk dipelajari. Setelah penerangan diberikan kepada pelajar, mereka dibahagikan kepada kumpulan kecil dan berbincang bersama ahli kumpulan untuk mencari antonim bagi tiga puluh tujuh perkataan tersebut. Pelajar juga diminta untuk membuat ayat dari perkataan antonim tersebut. Perbincangan pelajar dianalisa dengan menggunakan kaedah analisis wacana. Keputusan kajian mendapati bahawa pelajar dapat mengenal pasti dan membina ayat yang betul bagi antonim perkataan yang diberikan melalui perbincangan. Selain itu, pelajar juga dilihat mempunyai keyakinan dalam membina ayat tersebut serta faham akan penggunaan antonim serta makna setiap ayat tersebut. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang memberi tumpuan kepada penggunaan antonim dalam penulisan karangan pelajar Korea.

**Kata kunci:** Antonim, pelajar Korea, bahasa Melayu, keyakinan, perbincangan.

### ABSTRACT

*This study involved Korean students in the process of learning the Malay antonyms. The objectives of the study were to identify and discuss the Malay antonyms used among the Korean learners. The study involved twelve students from a class of elementary Malay language class at Hankuk University of Foreign Studies. The male and female Korean students were aged between twenty to twenty eight years old. The subjects were being exposed to the thirty seven sets of Malay antonyms. After the explanation, the subjects were divided into smaller groups and discussed with their group members with the task given. The students' interactions during the discussion were analyzed by using the discourse analysis method. The results of the study revealed that the discussion among the subjects were able to identify and construct sentences by using the Malay antonyms. The results also revealed that the subjects had high confidence in constructing the sentences with antonyms. It is hoped that future study will concentrate on the use of Malay antonyms in essays among Korean students.*

**Keywords:** *Antonym, Korean students, Malay language, confidence, discussion.*

## 1.0 PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar asing merupakan satu perkara yang baharu memandangkan bahasa Melayu adalah merupakan bahasa antarabangsa yang dipelajari oleh pelajar di seluruh dunia termasuk di Portugal, United Kingdom, German, Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Netherland serta lain-lain (Normaliza Abd Rahim, 2012). Bahasa Melayu yang juga mempunyai banyak persamaan dengan bahasa Nusantara yang berbaur bahasa Indonesia dan dipelajari bagi memudahkan sistem komunikasi di antara ahli masyarakat. Justeru bahasa ini dianggap sebagai penting dalam kehidupan masyarakat yang berbilang bangsa dari pelbagai negara (Lanlin, 2005). Selain itu, bahasa Melayu dipelajari bukan sahaja dari aspek kemahiran bahasa itu sendiri tetapi juga dari aspek linguistik serta kesusasteraan Melayu. Adalah membanggakan apabila bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa yang penting di persada dunia memandangkan negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei serta selatan Thailand menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian malah bahasa Melayu ini digunakan sebagai bahasa utama di peringkat sekolah, universiti dan pejabat bagi negara di Malaysia dan Brunei serta bahasa yang dipelajari di sekolah dan universiti di Singapura. Bahasa Melayu lebih diperincikan dengan adanya Dewan Bahasa dan Pustaka di mana bahasa ini didokumentasikan di dalam bentuk buku dan penggunaan bahasa ini diwajibkan sehingga kini.

Selain itu bahasa Melayu disebarikan melalui pelajar Melayu yang belajar di luar negara di mana pelajar ini masih menggunakan bahasa Melayu di dalam perbualan harian (Normaliza Abd Rahim, 2012, 2011). Walaupun ada di antara pelajar Melayu ini yang sudah bermastautin di negara lain, bahasa Melayu masih digunakan di dalam keluarga. Walaupun ada di antara pelajar yang sudah berkahwin dengan bangsa lain namun bahasa Melayu masih diajar dan digunakan dalam keluarga. Kajian yang dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim (2011) mendapati bahawa rakyat Malaysia yang menetap di Ireland masih menggunakan bahasa Melayu di dalam perjumpaan masyarakat Melayu serta perjumpaan perayaan dan keagamaan. Kajian ini melibatkan tiga puluh lima keluarga Melayu yang menetap lebih daripada dua puluh tahun di Ireland. Mereka terdiri daripada doktor, akauntan dan chef di hotel. Keputusan kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu ini masih menggunakan bahasa Melayu bersama pasangan serta anak-anak dan juga menggunakan bahasa Melayu ini semasa menghadiri majlis perjumpaan dengan masyarakat Melayu lain. Anak-anak kecil juga didapati menggunakan bahasa Melayu dengan betul walaupun mereka bersekolah bersama dengan pelajar Ireland dan pembelajaran juga melibatkan bahasa Inggeris dan tiada pembelajaran bahasa Melayu. Galakkan daripada pihak ibu dan bapa (Ellis, 1997) Melayu ini dapat memberikan kesan yang positif kepada anak-anak mereka supaya tidak lupa akan bahasa ibunda mereka sendiri. Ini jelas membuktikan bahawa pemertaban bahasa Melayu berlaku walaupun masyarakat Melayu ini sudah tidak berada di negara mereka sekian lama.

Menurut Normaliza Abd Rahim (2012) dan Normaliza Abd Rahim & Siti Nur Aliaa (2011) pelajar Melayu juga mempunyai kekuatan dalam mempertahankan bahasa mereka sendiri. Ini adalah terbukti di mana kajian ini melibatkan pelajar Melayu dalam

menangani pembelajaran bahasa asing bersama dengan pelajar yang berasal dari tujuh buah negara yang lain. Adalah sukar pada mulanya untuk berkomunikasi di antara pelajar namun kekuatan yang terdapat di dalam pelajar Melayu ini dapat sedikit sebanyak mengatasi masalah yang timbul semasa berkomunikasi dengan pelajar lain. Kajian Normaliza Abd Rahim dan Siti Nur Aliaa Roslan (2011) ini melibatkan tujuh pelajar dari Poland, Malaysia, Ireland, Italy, Portugal, Greece dan Bosnia di mana mereka diberikan masa selama sebulan untuk berbincang mengenai topik perbualan yang mereka minati. Pelajar diberi masa untuk berbincang di dalam kumpulan masing-masing dan interaksi perbualan yang berkaitan dengan kajian ini dianalisis. Keputusan kajian mendapati bahawa walaupun pelajar berasal dari negara yang berlainan namun minat terhadap sesuatu perkara yang sama dengan pelajar lain dapat mengatasi masalah komunikasi serta bahasa yang digunakan. Oleh itu proses komunikasi telah dapat dijalankan dan pelajar berasa gembira dengan perbualan tersebut. Oleh itu pembelajaran bahasa kedua merupakan salah satu cara untuk memberi ruang kepada pelajar (Ellis, 1997; Brown, 2000) untuk meluahkan perasaan.

Zulkifli Hamid (2012) menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang menyatukan rakyat di Malaysia. Ini adalah kerana rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan di antara mereka. Oleh kerana bahasa Melayu ini dipelajari dari peringkat sekolah rendah lagi maka bahasa ini digunakan di dalam acara formal dan tidak formal serta semua masyarakat di Malaysia faham akan bahasa tersebut. Keputusan kajian oleh Zulkefli Hamid (2012) memperlihatkan konsep pengetahuan bahasa Melayu yang menyeluruh untuk para perancang pendidikan bahasa dan yang penting adalah pengetahuan mengenai nahu bahasa Melayu dan kecekapan berbahasa Melayu. Di sini dapat dilihat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang penting di dalam kehidupan seharian masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia. Pengetahuan mengenai bahasa Melayu ini sebenarnya merangkumi pengetahuan mengenai budaya (Normalis Amzah et al., 2012), masyarakat, hati budi (Hashim Hj. Musa, 2008; Hashim Hj Musa et al., 2012) serta pragmatik dalam berbahasa.

Kajian oleh Yong Chyn Chye dan Vijayaletchumy Subramaniam (2012) mendapati bahasa pelajar asing yang belajar bahasa Melayu mempunyai kesilapan dari aspek fonologi. Kajian ini dilakukan dengan pelajar dari Botswana, China, Iran dan Indonesia. Tujuh puluh lima pelajar asing yang mengikuti kelas Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu di Universiti Multimedia di Malaysia. Kajian ini dilakukan selama empat belas minggu dan ujian penulisan dan pemerhatian selama lapan minggu dijalankan bagi tujuan kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kontrastif dan kesilapan. Keputusan kajian ini mendapati bahawa terdapat 182 kesilapan ortografi atau ejaan dan digolongkan dalam lima aspek mengikut tahap kesukaran penguasaan iaitu angka asas, kata tanya, kata komunikasi asas, kata ganti nama diri dan kata sapaan. Selain itu keputusan kajian ini mendapati bahawa jenis kesilapan fonologi yang paling kerap direkod di mana penukaran huruf dengan huruf lain dikenal pasti. Kajian oleh Yong Chyn Chye and Vijayaletchumy Subramaniam mempunyai keputusan kajian yang hampir dengan kajian oleh Kholood dan Norbert (2012), Norehan Muhamad (2009), Suthanthiradevi (2004) dan Medan Sandra Kasih (2003) di mana kajian bertumpu

kepada kajian dengan pelajar berbilang bangsa dari pelbagai negara dalam mempelajari bahasa kedua. Menurut Khazriyati Salehuddin, Tan Kim Huat dan Marlyna Maros (2006) kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dapat memberikan gambaran yang lebih teliti dalam proses pembelajaran bahasa. Pelajar yang mempelajari bahasa yang asing akan merasakan bahawa satu kesukaran dalam semua aspek termasuk tatabahasa. Ini merupakan kesilapan semasa proses pembelajaran adalah merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Oleh demikian, kesilapan kini dianggap sebagai wahana yang sangat penting untuk tujuan diagnostik dalam pengajaran bahasa. Lanlin (2005) pula menyatakan golongan penyelidik dan pelajar bahasa asing akan mengambil kira pendekatan analisis kontrastif dalam memberikan gambaran yang jelas di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Aishah Md Kassim (2008) bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa asing di Singapura. Ini adalah kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa utama diikuti dengan bahasa Cina memandangkan majoriti dari masyarakat di Singapura adalah dari kaum Cina. Justeru bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa asing memandangkan kekurangan tenaga pengajar dan keperluan di dalam mempelajari bahasa Melayu ini maka bahasa Melayu dianggap sebagai salah satu bahasa asing yang akan dipelajari seperti bahasa asing yang lain. Peluang untuk menggunakan bahasa Melayu ini dianggap sebagai kurang memandangkan kebanyakan urusan secara formal dan tidak formal akan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Namun masalah yang dihadapi oleh penduduk di Singapura yang ingin mempelajari bahasa Melayu hingga ke peringkat yang tinggi mengalami masalah dalam memperoleh bahan pengajaran seperti buku teks bahasa Melayu serta kekurangan tenaga pakar di dalam bidang yang berkaitan. Justeru, kajian oleh Aishah Md Kassim (2008) menyarankan supaya lebih banyak kajian dilakukan untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang boleh dipelajari serta memberi galakkan kepada pelajar yang ingin belajar bahasa Melayu hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Walaupun bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa asing di Singapura namun bahasa ini masih diperlukan oleh masyarakat di Singapura untuk tujuan komunikasi dan pembelajaran. Kajian oleh Ishii (2009) dalam Normalis Amzah et al., (2012), mendapati bahawa belajar bahasa asing akan memberikan mereka satu daya tarikan dan motivasi di mana mereka berpeluang untuk belajar bukan sahaja bahasa baharu malah pada masa yang sama dapat mengenal budaya baharu (Normalis Amzah et al., 2012) dari negara tersebut. Ini sedikit sebanyak dapat memberikan ruang untuk masyarakat belajar bahasa asing yang baharu atau masyarakat luar yang ingin belajar bahasa ibunda negara yang mereka diami.

## **2.0 OBJEKTIF**

Menurut kajian lepas, masih kurang penyelidikan mengenai bahasa Melayu di kalangan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu di negara lain. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada penggunaan antonim bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Korea di Korea. Ini adalah kerana pelajar Korea ini mengambil beberapa bahasa asing dalam satu masa dan agak sukar bagi mereka untuk mempelajari bahasa Melayu dengan bahasa lain.

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu untuk mengenal pasti serta membincangkan penggunaan antonim bahasa Melayu di kalangan pelajar Korea.

### 3.0 METODOLOGI

Sampel kajian terdiri daripada dua belas pelajar Korea lelaki dan perempuan di sebuah kelas peringkat awalan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Pelajar berumur dari dua puluh hingga dua puluh lapan tahun. Pelajar diberi pendedahan mengenai antonim bahasa Melayu dan mereka diberi masa selama dua minggu untuk berbincang mengenai tiga puluh tujuh set antonim. Setelah penerangan diberikan kepada pelajar, mereka berbincang bersama ahli kumpulan untuk mencari antonim bagi tiga puluh tujuh perkataan tersebut. Pelajar juga diminta untuk membuat ayat dari perkataan antonim tersebut. Perbualan pelajar dirakam dan interaksi pelajar yang berkaitan dengan kajian ini dianalisa bagi tujuan kajian ini. Analisis kajian ini menggunakan kaedah analisis wacana oleh Brown dan Yule (1983).

### 4.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Penggunaan Antonim dalam Pembentukan Soalan

Pelajar gemar menggunakan antonim di dalam bentuk soalan untuk membandingkan pasangan antonim. Ini adalah kerana pelajar dapat membezakan di antara kedua-dua antonim tersebut dan dari jawapan yang diberikan untuk soalan itu, pelajar lain dapat memahami dengan jelas akan penggunaan antonim itu. Soalan pelajar menggunakan soalan berbentuk ‘Mengapakah’, ‘Adakah’, ‘Bilakah’, ‘Bagaimanakah’, dan ‘Siapakah’. Ini adalah kerana pelajar merasakan dengan menggunakan soalan dari perkataan-perkataan di atas, akan lebih jelas maksud antonim tersebut. Soalan pelajar seperti, *Mengapakah budak lelaki itu tinggi dan budak perempuan itu rendah?*, *Mengapakah adik dia gemuk dan kakak dia kurus?*, *Mengapakah rumah itu besar dan rumah di belakang itu kecil?*, *Mengapakah perempuan itu cantik dan perempuan di sebelahnya hodoh?* dan *Mengapakah jalan itu licin dan batu di dinding ini kasar?* Penggunaan ‘Mengapakah’ di atas jelas menunjukkan bahawa pelajar memahami akan konsep antonim di mana mereka cuba membandingkan di antara budak lelaki, adik, rumah, perempuan dan jalan. Semasa perbincangan mengenai ini, pelajar telah cuba memberi penerangan kepada rakan yang lain mengenai antonim dalam soalan yang dikemukakan itu. Pelajar lain didapati bersetuju akan penerangan tersebut dan mereka dapat memahami dengan jelas. Penggunaan ‘Mengapakah’ di dalam soalan dari pelajar dapat dilihat bahawa pelajar inginkan jawapan pilihan. Ini jelas terbukti apabila pelajar dapat memberikan contoh gambar yang disediakan oleh mereka. Pelajar memberikan contoh gambar yang diperolehi dari internet dan melalui soalan yang mengandungi antonim ini, pelajar dapat menjawab dengan mudah. Justeru, melalui perbincangan, penggunaan soalan ‘Mengapakah’ dalam ayat yang mengandungi antonim dapat difahami dengan baik.

Selain itu, pelajar juga menggunakan ‘Adakah’ di dalam ayat mereka. Soalan sebegini memerlukan jawapan samada ‘ya’ atau pun ‘tidak’. Setelah perbincangan, pelajar didapati dapat membuat ayat yang mengandungi antonim. Soalan pelajar seperti, *Adakah dinding kedai itu hitam atau putih?, Adakah bilik itu gelap atau cerah?, Adakah buku itu tebal atau nipis?, Adakah kerusi itu keras atau lembut?* dan *Adakah jalan itu lurus atau bengkok bengkok?* Soalan di atas menunjukkan bahawa pelajar boleh memberikan jawapan. Ini adalah kerana, soalan pelajar tersebut telah disertakan sekali dengan gambar supaya pelajar lain boleh memberikan jawapan. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar telah bersedia memandangkan jika soalan tiada bukti gambar, pelajar lain mungkin tidak dapat membayangkan jawapan yang sebenarnya. Contoh soalan antonim hitam-putih, gelap-cerah, tebal-nipis, keras-lembut dan lurus-bengkok bengkok adalah dari benda dan melalui perbincangan pelajar dapat membezakan di antara kedua-dua anotonim tersebut.

Soalan pelajar dengan menggunakan perkataan ‘Bilakah’ juga digunakan oleh pelajar untuk membezakan antonim. Pelajar memberikan contoh berbentuk benda supaya pelajar lain dapat memahaminya dengan jelas. Gambar yang diberikan itu telah ditunjukkan kepada pelajar lain. Soalan pelajar seperti, *Bilakah tali panjang itu dipotong pendek?, Bilakah pisau tumpul itu akan menjadi tajam?, Bilakah jalan itu menjadi lurus kerana sebelum ini bengkok-bengkok?, Bilakah akan berbau wangi kerana sekarang ini bunga itu busuk?* dan *Bilakah tali itu akan tegang kerana jika kendur tali itu akan reput?.* Soalan di atas menunjukkan penggunaan soalan ‘Bilakah’ di dalam memberi penjelasan mengenai antonim. Soalan di atas dapat dikenal pasti apabila pelajar yang ingin menjawab dapat memilih jawapan yang betul memandangkan soalan tersebut ternyata jelas. Soalan ini agak berlainan dengan soalan yang menggunakan ‘Mengapakah dan Adakah’ kerana soalan ini telah tertera alasan mengapa perkataan itu mempunyai antonim. Seperti soalan pertama di mana, pelajar harus memberikan jawapan ‘Bilakah tali panjang itu dipotong pendek?’. Ini menunjukkan bahawa pada asalnya tali itu sememangnya panjang dan selepas dipotong baharulah tali itu menjadi pendek. Seperti juga soalan yang lain di mana pelajar boleh memahami dengan jelas akan apa yang diinginkan untuk jawapan.

Soalan yang menggunakan perkataan ‘Bagaimanakah’ juga digunakan oleh pelajar. Pelajar inginkan jawapan dan penerangan bagaimana sesuatu benda atau perkara ini terjadi. Soalan pelajar seperti, *Bagaimanakah cara untuk membuatkan air panas itu menjadi sejuk? Bagaimanakah anda mendapat banyak jawapan yang betul dari yang betul?, Bagaimanakah hidung dia mancung tetapi hidungnya kemek? Bagaimanakah beg dia yang ringan menjadi berat?* dan *Bagaimanakah kamu duduk di atas meja dan dia duduk di atas kerusi?.* Soalan di atas menunjukkan bahawa pelajar telah cuba menggunakan kedua-dua perkataan dalam memberikan penerangan antonim tersebut. Adalah jelas persoalan tersebut memerlukan pelajar lain untuk memberikan jawapan yang jelas dan tepat. Sebagaimana soalan pertama di atas menunjukkan bahawa pelajar memberikan soalan mengenai cara membuatkan air panas menjadi sejuk. Soalan ini dapat memberikan kefahaman kepada pelajar bahawa sebelumnya air itu panas dan memerlukan air itu menjadi sejuk. Sepertimana soalan seterusnya tertera di atas jelas memberikan pemahaman tentang antonim di dalam setiap satu soalan tersebut. Oleh itu penggunaan ‘Bagaimanakah’ di

dalam soalan dapat memberikan penjelasan yang jelas serta memperoleh jawapan yang mudah untuk diberikan oleh pelajar.

Soalan dari perkataan ‘Siapakah’ juga telah digunakan oleh pelajar semasa perbincangan di dalam kumpulan. Pelajar telah cuba menggunakan manusia dalam membezakan antonim yang diberikan. Ini adalah supaya pelajar dapat memberikan contoh yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar lain. Soalan seperti, *Siapakah yang tampan dan buruk di antara mereka?*, *Siapakah yang kaya dan miskin di antara dua sahabat itu?*, *Siapakah yang hitam legam dan putih melepak di antara pelajar perempuan itu?*, *Siapakah yang kedekut dan pemurah di dalam keluarga itu?* dan *Siapakah yang selalu panas hati dan sejuk hati setelah bertengkar?*. Soalan di atas menunjukkan bahawa pelajar inginkan jawapan di antara satu. Soalan yang dikemukakan oleh pelajar setelah perbincangan adalah dengan memberikan contoh manusia dan memandangkan antonim tersebut adalah sesuai untuk membandingkan manusia dengan manusia yang lain. Tambahan soalan yang bermula dengan ‘Siapakah’ sememangnya memerlukan manusia untuk membezakan antonim tersebut. Oleh itu, adalah jelas bahawa kesemua pelajar memahami akan konsep penggunaan antonim dengan melibatkan manusia sebagai perbandingan.

#### **4.2 Penggunaan Antonim dalam Pembentukan Ayat**

Penggunaan antonim dalam ayat mudah juga kerap digunakan oleh pelajar semasa perbincangan. Pelajar didapati lebih gemar membina ayat kerana mereka berasa lebih yakin dan faham akan ayat yang diberikan. Pelajar juga menyatakan bahawa pelajar lain akan mudah memahami akan ayat yang mereka ujkarkan tersebut. Ayat melibatkan penggunaan benda, binatang dan manusia di dalam memberikan perbandingan di antara antonim tersebut. Kebanyakan dari ayat yang mereka berikan disertakan dengan gambar supaya lebih mudah menunjukkan perbezaan bagi kedua-dua perkataan tersebut. Ini jelas menggambarkan keyakinan yang tinggi oleh pelajar yang semasa perbincangan (Richards, 1974) di dalam kumpulan tersebut.

Pelajar memberikan ayat yang melibatkan benda di dalam membezakan antonim adalah seperti, *Kotak besar itu terletak di sebelah kiri manakala kotak kecil itu di sebelah kanan*, *Baju merah itu labuh manakala baju biru itu singkat*, *Kelapa tua itu berwarna coklat manakala kelapa muda itu berwarna hijau*, *Kereta itu sangat laju manakala lori itu sangat lambat* dan *Kerusi itu terletak di depan manakala kerusi kecil itu terletak di belakang*. Ayat di atas menunjukkan bahawa pelajar menggunakan perkataan ‘manakala’ untuk membezakan penggunaan dua perkataan yang mengandungi makna antonim tersebut. Di sini, pelajar dapat membezakan benda yang dimaksudkan seperti kotak, baju, kelapa, kereta, dan kerusi dan pelajar lain juga dapat memberikan perbezaan tersebut. Selain dari penggunaan gambar dalam memberikan penjelasan ayat, pelajar juga dapat memberikan contoh dengan cara melukiskan di papan putih di hadapan kelas. Di sini dapat dilihat bahawa pelajar begitu yakin (Fries, 1945) akan ayat yang diberikan itu jelas maknanya dan pelajar juga yakin bahawa pelajar lain juga memahami akan apa yang ingin diujarkan itu.

Ayat yang menggunakan binatang sebagai penjelasan juga gemar digunakan oleh pelajar semasa perbincangan. Binatang yang digunakan di dalam ayat merupakan binatang yang

selalu didengar dan dilihat oleh pelajar di Korea. Selain dari belajar untuk mengenal pasti binatang yang tidak terdapat di Korea, pelajar juga telah cuba menggunakan binatang tersebut dalam memberikan contoh ayat. Ayat pelajar adalah seperti, *Kura-kura itu berjalan lambat manakala arnab itu berlari laju, Singa tua itu berjalan perlahan manakala anak singa itu berjalan cepat, Burung itu berkicau dengan girang manakala Kancil itu berasa sangat sedih, Monyet itu mencaci binatang lain manakala harimau itu memuji binatang lain dan Kucing itu sangat cerdik manakala anjing itu sangat bodoh*. Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa memberikan contoh binatang dalam memberikan makna setiap antonim tersebut. Ini adalah kerana ada di antara antonim itu tidak sesuai digunakan ke atas manusia kerana pada pendapat mereka manusia akan berkecil hati jika digelar sebagai 'bodoh'. Pelajar mendapati bahawa penggunaan manakala juga amat sesuai digunakan dalam memberikan contoh ayat supaya perbezaan di antara dua perkataan yang berkaitan dengan antonim ini akan lebih mudah untuk difahami. Perbincangan yang dilakukan oleh pelajar didapati dapat memberikan keyakinan yang tinggi terhadap pelajar (Erton, 2006) dalam memberikan pandangan dan komen kepada rakan di dalam kumpulan. Ini juga menampakkan kolaborasi yang positif di antara ahli kumpulan. Contoh dengan menggunakan binatang lebih diminati oleh pelajar memandangkan mereka boleh membayangkan binatang tersebut berbanding dengan benda atau manusia yang harus disertakan dengan gambar bagi penjelasan yang lebih jelas.

Penggunaan manusia di dalam ayat yang mengandungi antonim juga telah diberikan oleh pelajar. Pelajar menggunakan ahli keluarga atau pun rakan di dalam kelas supaya boleh mendapatkan penjelasan yang lebih teliti dan mudah untuk difahami. Selain dari penggunaan soalan untuk menjelaskan antonim, penggunaan ayat juga dapat menerangkan antonim dengan baik. Ini memandangkan perkataan yang mengandungi antonim itu dapat membezakan dua perkataan tersebut. Ayat yang mengandungi antonim adalah seperti, *Abangnya tinggi manakala adiknya rendah, Adiknya gemuk manakala kakaknya kurus, Pakciknya berbadan besar manakala makciknya berbadan kecil, Emaknya cantik manakala perempuan tua itu buruk, Kulit mukanya licin manakala kulit muka adiknya kasar dan Bapanya hitam manakala pakciknya putih*. Ayat di atas menunjukkan bahawa pelajar menggunakan ahli keluarga dan orang lain dalam memberikan contoh ayat mereka. Ini adalah supaya pelajar lain boleh membayangkan penjelasan di dalam ayat itu. Pelajar juga berupaya untuk membezakan ahli keluarga masing-masing memandangkan mereka yang melihat akan keadaan yang sebenar di hadapan mata mereka. Ini menunjukkan bahawa pelajar dapat memberikan contoh dengan penuh keyakinan tanpa sebarang soalan dari pelajar yang lain. Terdapat juga keraguan (Ting-Toomey, 1999) di dalam memberikan ayat di mana pelajar tidak dapat membezakan orang yang cantik dan buruk. Walaupun pelajar sememangnya tahu akan makna cantik dan buruk namun mereka tidak sampai hati untuk memberikan perkataan 'buruk' untuk seseorang yang mereka kenali. Ini adalah jelas di mana pelajar mempunyai daya sensitiviti yang tinggi (Erton, 2006) dan menghormati orang lain adalah merupakan satu nilai yang baik. Namun mereka masih dapat memberikan ayat yang boleh difahami oleh pelajar lain.

Sebagai rumusan bagi keputusan kajian di atas, adalah jelas menunjukkan bahawa pelajar Korea berupaya untuk menjelaskan antonim bahasa Melayu dan berjaya berbincang



mengenai antonim di dalam kumpulan masing-masing. Pelajar ini juga mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menjelaskan makna setiap perkataan dan antonim dengan menggunakan soalan dan ayat. Pelajar merasakan contoh yang diberikan haruskan meliputi benda, binatang dan manusia adalah wajar memandangkan kesemua contoh ini berkaitan dengan kehidupan seharian mereka. Keputusan kajian ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim (2012), Normaliza Abd Rahim & Siti Nur Aliaa Roslan (2012), Normaliza Abd Rahim et. al. (2011) di mana perbincangan di dalam kumpulan kecil dapat memberikan keyakinan diri dalam kalangan pelajar. Selain itu keputusan kajian ini hampir sama dengan kajian oleh Aishah Md Kassim (2008) dan Yong Chye Chye & Vijayaletchumy Subramaniam (2012) di mana bahasa Melayu adalah bahasa asing yang boleh dipelajari oleh semua orang dan akan peroleh satu bahasa yang memberi keyakinan diri.

## 5.0 KESIMPULAN

Kajian ini memberi implikasi kepada pelajar Korea yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pelajar Korea memerlukan sebanyak mungkin perkataan baharu untuk dipelajari dan juga memerlukan contoh yang baik supaya mereka dapat memahami akan konsep yang ingin disampaikan. Selain itu, kajian ini juga memberi implikasi kepada penyelidik dalam menjalankan penyelidikan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa dan ini adalah supaya pelajar ini dapat memanfaatkan pembelajaran dengan baik. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat memberi tumpuan kepada penggunaan antonim dalam penulisan karangan dalam kalangan pelajar Korea.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai of Hankuk University of Foreign Studies Research Fund 2012

## RUJUKAN

- Ainol Madziah & Isarji Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(2), 73-87.
- Aishah Md Kassim. (2008). Malay language as a foreign language and the Singapore's education system. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 8(1), 47-56
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching*. New York: Longman.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Erton, I. (2006). Semiotic nature of language teaching methods in foreign language learning and teaching. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 2(1), 73-86.

- Fries, C. C. (1945). *Teaching and learning of English as a foreign language*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Hashim Hj. Musa. (2008). Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 12(1), 163-182
- Ishii, E. (2009). The effects of task-based intercultural instruction on the intercultural competence of Japanese secondary EFL learners. *Asian Journal of English Language Teaching*, 19, 159-181.
- Khazriyati Salehuddin, Tan Kim Hua, & Marlyna Maros. (2006). Definiteness and indefiniteness: A contrastive analysis of the use of determiners between the Malay language and English. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 6(1), 21-30.
- Kholood, S. & Norbert, S. (2012). *Difficulties with vocabulary word form: The case of Arabic ESL learners*. (Atas talian) Muat turun 20 Mei 2012, dari <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1060374302000516>
- Lanlin, Z. (2005). Language differences and communication: Contrastive analysis revisited. *Western Journal of Graduate Research*, 12(1), 113-131.
- Medan Sandra Kasih. (2003). Analisis kontrasif dan keanekabahasaan. *Jurnal Bahasa*, 47(10), 36-40.
- Norehan Muhamad. (2009). Analisis Kesilapan: Satu kajian terhadap karangan murid-murid Orang Asli. *Jurnal Penyelidikan DEDIKASI*, 1(Dis), 119-136.
- Normalis Amzah, Natsue Hieda, Mimiko Nezu. (2012). Penyerapan unsur budaya dalam pembelajaran bahasa Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Volume 12(2), 407-425.
- Normaliza Abd Rahim. (2012). Antonim Bahasa Melayu Pelajar Korea. Dalam Zaharani Ahmad, Chun Tae-hyun & Kim Jang-gyem. *Isu dan Cabaran*. Hankuk University of Foreign Studies, Korea, 45-56.
- Normaliza Abd Rahim. (2011). Pemartaban bahasa Melayu melalui perbualan di Kampung Melayu Lucan, Ireland. Prosiding Kongres Antarabangsa Bahasa dan Budaya. 17-18 September 2011. Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam, 91-102.

- Normaliza Abd Rahim dan Siti Nur Aliaa Roslan. (2012). Kata Kerja Melalui Penerapan Kinestetik Pelajar Sekolah Rendah di Nottingham United Kingdom: Satu Analisis. *Jurnal Bahasa Brunei*. JB bil.26. Mei – Ogos, 96-104.
- Normaliza Abd Rahim dan Siti Nur Aliaa Roslan (2012) Analisis Perbualan Pelajar dari Tujuh Negara di Sekolah St Patrick Limerick, Ireland. *Jurnal Linguistik*. Jilid 15 Jun 2012, pp. 1-10.
- Richards, J. C. (pnyt.). (1974). *Error analysis: Perspectives on second language acquisition*. London: Longman.
- Suthanthiradevi J. N. Money. (2004). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu murid India*. Tesis Master, Universiti Pertanian Malaysia. (Atas talian) Muat turun pada 20 Mei 2012 dari, [http://psasir.upm.edu.my/8943/1/FPP\\_1996\\_7\\_A.pdf](http://psasir.upm.edu.my/8943/1/FPP_1996_7_A.pdf).
- Ting-Toomey, S. (1999). *Communicating across cultures*. New York: The Guilford Press.
- Yong Chye Chye & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 667-692.